

MAHATHIR-AKTA SIVIL

EMBARGO: ...UNTUK SIARAN SELERAS JUKUI, 11. MALAM, INI (4 SEPT.)

1984

KUALA LUMPUR, 4 SEPT. (BERNAMA---BAYARAN PAMPASAN \$10 RIBU RINGGIT KEPADA PENDUDUK MALAYSIA YANG MENDAPAT KEMALANGAN SEPERTI YANG DIPERUNTUKAN DI BAWAH PINDAAN KEPADA AKTA UNDANG-UNDANG SIVIL YANG DILULUSKAN OLEH PARLIMEN BARU-BARU INI ADALAH UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN RAKYAT MISKIN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENJELASKAN MALAM INI.

PERDANA MENTERI BERKATA- TUJUAN PINDAAN ITU JUGA ADALAH UNTUK MENGELAK WARGA NEGARA MALAYSIA MENJADI SATU MASYARAKAT +LITIGIOUS+ IAITU SATU MASYARAKAT YANG SERING MENDAKWA UNTUK MENDAPAT PAMPASAN. KATANYA, KERAJAAN MENGADAKAN PINDAAN ITU UNTUK MEMBENDUNG KEADAAN YANG TIDAK DIINGIN SEPERTI DI AMERIKA SYARIKAT UMPAMANYA APABILA SESEORANG ITU BOLEH MEMBAWA KE MAHKAMAH SESIAPA SAHAJA, TERMASUK DOKTOR YANG MERAWATNYA ATAU ORANG YANG MENOLONGNYA SEMASA MEREKA CEDERA.

+INI SUDAH MENJADI SATU MASYARAKAT YANG CUMA NAMPAK KEPADA BERAPA BANYAK KAH DUIT YANG SAYA BOLEH DAPAT KALAU SAYA MEMBUAT SAMAN. KITA TIDAK HENDAK MASYARAKAT KITA MENJADI SEMACAM ITU, +TEGAS DR. MAHATHIR SEMASA DITEMURAMAH DALAM RANCANGAN EHWAL SEMASA TERBITAN RTM MALAM INI. ---LAGI
1750MST 04 09 84

D690

R B387 DEB.

MAHATHIR-AKTA SIVIL 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DR. MAHATHIR DITEMURAMAH OLEH KETUA PENGARANG KUMPULAN AKHBAR UTUSAN MELAYU, ENCIK ZAINUDDIN MAIDIN DAN PENGARAH ITM, PROF. MADYA DR. NIK ABDUL RASHID MAJID DALAM RANCANGAN SELAMA 45 MINIT YANG DIPENGERUSIKAN OLEH ENCIK SALLEH PATEH AKHIR DARITM.

PERDANA MENTERI BIMBANG JIKA RAKYAT MALAYSIA MENJADI SATU MASYARAKAT YANG LITIGIOUS, SUDAH TENTU YANG MISKIN AKAN RUGI.

+JIKALAU KITA MENJADI SATU *LITIGIOUS, SOCIETY* YANG SERING MENDAKWA UNTUK MENDAPAT PAMPASAN, MAKA KESAN BURUK AKAN BERLAKU KEPADA KITA SEPERTI YANG TERJADI DI NEGARA-NEGARA LAIN DI MANA KALAU SESEORANG, KATAKANLAH JATUH ATAS JALAN, TIADA SIAPA YANG MENOLONGNYA, KERANA SESIAPA YANG MENOLONG MUNGKIN DIDAKWA, KERANA PERTOLONGAN ITU MEMBAWA KEPADA KEBURUKAN, +

MENURUTNYA, BERLAKU JUGAKAJADIAN SEHINGGA ADA NEGARA-NEGARA YANG MANA DOKTOR SENDIRI TIDAK MAHU MENOLONG SESIAPA MELAINKAN JIKA BELIAU DJJEMPUT UNTUK MENOLONG.

+JIKALAU KITA MENJADI SATU MASYARAKAT YANG SEDEMikian, MASYARAKAT YANG MISKIN YANG AKAN MENJADI BURUK, BUKAN ORANG YANG ADA DUIT, +TAMBAHNYA. ---LAGI

MAHATHIR-AKTA SIVIL 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

INI ADALAH KERANA SYARIKAT INSURAN AKAN MENAIKKAN PREMIUM KERANA TERPAKSA MEMBAYAR WANG BANYAK.

+SEBAB ITU, UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN YANG MISKIN, KITA MESTI TENTUKAN SUPAYA PAMPASAN YANG DIBAYAR INI ADALAH BERPATUTAN. KALAU BOLEH RENDAH, BIARLAH PREMIUM ITU RENDAH, + TAMBAHNYA SEMASA MENGULAS TUDUHAN PELBAGAI PIHAK KONONNYA PINDAAN ITU MENJEJASKAN KEPENTINGAN RAKYAT DAN MELINDUNGI KEPENTINGAN SYARIKAT INSURAN.

SAMBIL MEMPERTAHANKAN PERLULUSAN PINDAAN ITU, PERDANA MENTERI MENERANGKAN IA DIBUAT KERANA KEPENTINGAN RAKYAT KESELURUHANNYA DAN TIDAK KERANA KEPENTINGAN MANA-MANA SATU GOLONGAN.

BELIAU MENGAKUI MEMANGLAH BAIK KALAU DIBAYAR PAMPASAN YANG TINGGI BERKENAAN DENGAN SESUATU KEMALANGAN YANG BERLAKU KEPADA SESEORANG ITU TETAPI JUGA HARUS DIINGAT PAMPASAN ITU BUKAN DIBERI PERCUMA KERANA MESTI DIBIYAI OLEH PREMIUM KEPADA SYARIKAT INSURAN.

+JADI KALAU KITA HENDAK KEPADA PAMPASAN YANG BANYAK, MAKA PREMIUM JUGA AKHIRNYA AKAN DITINGKATKAN. KITA HARUS INGAT BAHAWA SYARIKAT INSURAN TIDAK WUJUD KERANA DERMA ATAU KERANA SENGAJA UNTUK MEMBERI WANG KEPADA KITA. IANYA WUJUD SEBAGAI SATU BADAN PERNIAGAAN DAN TERPAKSA MENDAPAT KEUNTUNGAN.

+JADI KALAU KITA MEMBIASAKAN DENGAN PAMPASAN YANG TINGGI, MAKA PREMIUM YANG LEBIH TINGGI INI SUDAH TENTU AKAN MENYUSAHKAN MEREKA YANG BERPENDAPATAN RENDAH. +--LAGI

1829MST 04 09 84

MAHATHIR-AKTA SIVIL 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

APABILA DITANYA SAMADA PAMPASAN \$10 RIBU RINGGIT AMAT RENDAH BAGI TAHUN 80AN, DR. MAHATHIR BERPENDAPAT JUMLAH ITU BANYAK JUGA BAGI ORANG YANG BERGAJI KECIL.

KATANYA, KALAU KERAJAAN MENAIKKAN PAMPASAN KEPADA \$25 RIBU HINGGA \$200 RIBU, BUKAN PAMPASAN SAHAJA YANG NAIK TETAPI PREMIUM JUGA MESTI NAIK.

PERDANA MENTERI MENERANGKAN JIKA RAKYAT BERKEHENDAKKAN PAMPASAN YANG LEBIH, ADA PERUNTUKAN DALAM UNDANG-UNDANG ITU SUPAYA DILEBIHKAN.

MALAHAN YANG DI-PERTUAN AGONG BOLEH MELEBIHKANNYA KEPADA \$25 RIBU, \$100 RIBU ATAU \$2 JUTA.

+ITU KITA BOLEH BUAT. ITU BUKAN MENJADI MASALAH, TETAPI PADA PRINSIPNYA KITA HENDAK MENJAGA KEPENTINGAN ORANG YANG MISKIN, SUPAYA MEREKA TIDAK DIKENAKAN BAYARAN PREMIUM YANG TERLALU TINGGI, + KATANYA.

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA PAMPASAN ITU DIDAPATI OLEH SESEORANG HASIL DARIPADA BAYARAN PREMIUM OLEH RAMAI ORANG DAN ORANG-ORANG INILAH YANG AKAN MENANGGUNG BUKANNYA SYARIKAT INSURAN. --LAGI

MAHATHIR-AKTA SIVIL 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MESTI MEMANDANG SECARA MENYELURUH, BUKAN KEPADA ORANG YANG MENDAPAT PAMPASAN TETAPI ORANG YANG MEMBAYAR PREMIUM, YANG LEBIH RAMAI DARIPADA YANG AKAN MENDAPAT PAMPASAN.

+KERANASATU ORANG YANG PATAH KAKI DAN DIAHENDAKMENDAPAT \$3 JUTA9 YANG 300' ATAU 400 ORANGLAGI MESTI MEMBAYAR PREMIUM UNTUK MEMBAYAR KEPADA SESEORANG ITU TADI.

+NASIB YANG BANYAKINI, YANG TIDAK AKAN PATAH KAKI, TERUKLAH MEREKA SEDIKIT. MEREKAKENA TANGGUNG BEBAN YANG SEORANG INI.+

PERDANA MENTERI BERSETUJUBAHAWA TUNTUTAN SEKALI SAHAJA BERLAKU TETAPI KATANYA KALAU SEMUA ORANG YANG MEMBAYAR INSURAN PREMIUM SEBANYAK \$10 UMPAMANYA MENUNTUT \$100 RINGGIT, AKIBATNYA SYARIKAT INSURAN AKAN TUTUP.

SETIAP KALI DIADAKAN INSURAN BERKENAAN DENGAN APA-APA, PERINGKAT ATAUPUN TINGGINYA PREMIUM ITU BERGANTUNG KEPADA BANYAK MANA PAMPASAN YANG PERLU DIBERI KEPADA ORANG YANG MENUNTUT.

DITANYA SAMADA PAMPASAN YANG DITETAPKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG ITU SEOLAH-OLAH MEMPERSOALKAN KEMAMPUAN HAKIM MAHKAMAH-MAHKAMAH, BELIAU MENJELASKAN HUKUMAN YANG BOLEH DIJATUNKAN OLEH HAKIM MEMANG TERHAD MALAHAN INI BUKAN PERTAMA KALI KERAJAAN MENENTUKAN SATU-SATU HAD UNTUK SESUATU PERKARA.--LAGI

1920MST 04 09 84

D744

R 0418 DEB

MAHATHIR-AKTA SIVIL 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+HAKIM CUMA BEBAS MENGIKUT UNDANG-UNDANG YANG TELAH DITETAPKAN. KITA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KEPENTINGAN NEGARA, DAN KITA TIDAK BOLEH PANDANG KEPADA SATU KES DALAM MAHKAMAH SAHAJA.+

MENJAWAB PENDAPAT KALANGAN UNDANG-UNDANG BAHAWA/PINDAAN ITU DIBUAT BERDASAR KEPADA PINDAAN INGGERIS, DR. MAHATHIR MENEGASKAN IA TIDAK KENA MENGENA DENGAN APA YANG DIBUAT OLEH BRITISH.

+SAYA HARI INILAH BARU MENDENGAR MENGENAI BRITISH INI. TETAPI BARANGKALI ADA MENTERI-MENTERI LAIN YANG MENBERI PENJELASAN BERKENAAN DENGAN PERKARA INI.+

KATANYA, BELIAULAH YANG MULA MENYATAKAN BETAPA PENTINGNYA KERAJAAN MENGADAKAN SATU UNDANG-UNDANG TENTANG PERKARA INI SETAHUN DAHULU.

PIHAK YANG BERKENAAN SEPERTI PEGUAM-PEGUAM DAN JUGA PERSATUAN PENGGUNA BOLEH MEMBAHAS TAJUK ITU, TAMBAHNYA SEMASA MENGULAS KRITIKAN KONONNYA RANG UNDANG-UNDANG ITU MENJADI KONTROVERSIAL KERANA DIRAHSIAKAN DAN TIDAK DISEBARKAN KEPADA UMUM TERLEBIH DAHULU.

+RANG UNDANG-UNDANG ITU SENDIRI PATUT DIBAHAS OLEH ANGGOTA-ANGGOTA DALAM PARLIMEN. WAKIL RAKYAT SAMADA DARIPADA PARTI KERAJAAN ATAUPUN PEMBANGKANG BOLEH MEMBAHAS DENGAN SECUKUP-CUKUPNYA. KALAU MEREKA BERMINAT TIDAK ADA HALANGAN TENTANG PERBAHASAN. + -- LAGI

BELIAU BERPENDAPAT JIKA DIBAHAS DALAM SURATKHBAR ATAU DI MANA-MANA FORUM, KEPUTUSANNYA TIDAK DAPAT DIBUAT.

+KERANA DALAM PERBAHASAN SEDEMIKIAN, BIASANYA ADA BERMACAM-MACAM PENDAPAT YANG AKAN DIKEMUKAKAN, YANG MUNGKIN DIPENGARUHI OLEH EMOSI DAN KURANG PENGETAHUAN TENTANG TAJUK ITU DAN KITA TIDAK BOLEH MENDAPAT KEPUTUSAN BERKENAAN DENGAN APA SESUATU UNDANG-UNDANG PUN, KERANA SEMUA UNDANG-UNDANG ADA SAHAJA YANG TIDAK BERSETUJU.

+TAMBAH-TAMBAH LAGI KADANG-KADANG ADA UNDANG-UNDANG YANG KERAJAAN BERASA TERPAKSA DIADAKAN DEMI KEBAIKAN, TETAPI SECARA POPULAR IA TIDAK DAPAT DITERIMA.

OLEH DEMIKIAN, JELAS PERDANA MENTERI, TIDAK BOLEH ADA PERBAHASAN LUAR DARIPADA PARLIMEN, TETAPI TAJUKNYA BOLEH DIBAHAS OLEH SESIAPA TANPA LARANGAN. ---BERNAMA